

26/05/2003

Jaga disiplin, tingkah laku ketika beri sokongan

Raja Ahmad Zainuddin

BUKAN saja Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, malah saya percaya seluruh rakyat Malaysia turut meluahkan rasa kesal adanya kempen memburukkan negara kita sedangkan Malaysia adalah selamat bagi sesiapa juga yang ingin membuat kunjungan.

Katakanlah, saya mengaju pertanyaan kepada Franz Beckenbauer selaku Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Piala Dunia 2006, apakah Jerman boleh mengatakan negara mereka selamat ketika pertandingan itu berlangsung nanti?

Barangkali mereka sudah lupa peristiwa hitam ketika berlangsungnya Sukan

Olimpik Munich pada 1972 di mana berlakunya serangan ke atas sebuah kem atlit pada masa itu kebetulan pula bersebelahan tempat tinggal skuad bola

sepak Malaysia yang diketuai Datuk M Chandran. Kejadian itu meragut beberapa nyawa.

Kebetulan Jumaat lalu, bekas legenda bola sepak negara, Datuk Soh Chin Aun dan Wong Choon Wah berjumpa saya, dan mereka tidak dapat melupakan peristiwa hitam itu seumur hidup mereka.

Justeru janganlah mereka ibarat ludah ke langit tetapi akhirnya kena batang hidung sendiri. Jika tidak selamat, tidak mungkin masih ramai pelancong luar yang datang ke negara kita. Lupakah mereka ramainya pelancong Eropah yang berada di Malaysia ketika berlangsung Formula Satu (F1), Mac lalu.

Takanlah di negara Jerman tiada televisyen hinggakan mereka tidak tahu perkembangan luar dan betapa tiada berlaku apa-apa kejadian buruk ketika perlumbaan itu yang berlangsung di litar Sepang yang disiarkan secara langsung ke seluruh dunia termasuk Amerika Syarikat.

Jika ada keganasan sudah pasti ada askar dan polis terpacak di mana-

mana membuat kawalan di seluruh kawasan perlumbaan tajaan Petronas itu. Sebaliknya, pengunjung bebas bergerak di mana-mana tanpa sebarang gangguan.

Atau mereka yang mengatakan Malaysia tidak selamat sebagai muslihat mereka atau perasaan cemburu betapa ramai pelancong yang lebih suka melancong ke negara ini kerana keadaan hidup yang sederhana, terpesona dengan budaya yang diikuti serta penduduk yang berbilang bangsa hidup dalam aman dan tenteram.

Kalaupun, kita begitu konsisten di dalam menyuarakan pendirian ke atas sebarang penindasan, tidak berperikemanusiaan sebagaimana yang dilakukan AS ke atas Iraq, apakah ia salah? Kalau begitu kenapa kuasa-kuasa besar seperti Russia dan Perancis turut menentang mereka.

Jika negara kita tidak selamat, saya pasti Sidang Kemuncak Negara-

negara Berkecuali (NAM) yang dilangsungkan di Kuala Lumpur, Mac lalu, juga akan menjadi sunyi, sebaliknya begitu meriah dan mendapat pujian pemimpin dan ketua kerajaan yang hadir dan yang tidak dapat hadir.

Menjelang Jun nanti, satu lagi kejohanan besar bola sepak Futsal Antarabangsa KL 5's akan diadakan di ibu negara. Ia sekali lagi

mencerminkan betapa jika Malaysia tidak selamat sudah pasti pasukan elit dalam permainan ini tidak akan menyatakan persetujuan mereka untuk mengambil bahagian.

Cuma yang pasti tiada siapa yang boleh memberi jaminan tentang perkara di luar jangkaan. Begitupun, negara asing sewajarnya belajar bagaimana hebatnya anggota pasukan keselamatan kita menangani sebarang kekalutan seperti peristiwa di Sauk, Lenggong dan Memali di Kedah serta peristiwa 13 Mei.

Ketika berlangsungnya bola sepak Piala Dunia 2002 di Korea Selatan dan Jepun, tidak seorang pun menyatakan rasa takut walaupun pada ketika itu dunia masih dikejutkan dengan peristiwa 11 September.

Saya pun merasa hairan kenapa masih ada yang suka menabur fitnah. Yang anehnya pula tidak siapa pun bertanya apakah negara lain selamat? Begitupun, diharap janganlah ada di kalangan mereka yang tumpang menjadi tali barut kepada orang luar, jika pun berbeza politik.

Kita dikenali sebagai negara kaya budaya kerana masyarakatnya berbilang bangsa. Begitupun, kita kesal dan kecewa dengan apa yang berlaku dalam perlawanan separuh kedua Piala FA antara Sabah dan Negeri Sembilan di Stadium Likas pada 17 Mei lalu.

Sesungguhnya, kita, dalam apa cara sekali pun mahukan kemenangan janganlah sampai membelakangkan adat resam dan budaya ketimuran yang selama ini kita belai dan pertahankan.

Sepertimana teguran Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein, adakah budaya samseng menjadi tauladan yang baik. Kenapa kita membenarkan emosi menguasai diri? Justeru diharap peristiwa yang tidak beretika itu tidak akan berulang termasuk pada perlawanan akhir Piala FA 31 Mei. Setiap perlawanan pasti ada menang dan kalah, jika tidak tiadalah juaranya.

Apa pun tahniah kepada Negeri Sembilan dan Perlis yang layak ke final buat pertama kali walaupun terpaksa melalui ranjau dan duri.

Siapakah yang akan menjadi juara? Perliskah, tanya Datuk Mustika Junidah, Ahli Parlimen Arau kepada saya. Negeri Sembilan, sambung Tan Sri

Chan Choong Tak, bekas ahli Lembaga Pengarah Tenaga Nasional Berhad ketika

kami menghadiri satu mesyuarat di Kuala Lumpur.

Perlawanan yang akan berlangsung di Stadium Perak di Ipoh itu sekali lagi menjadi ingatan peribadi kepada saya ketika menjadi pengurus pasukan

Perak kerana stadium yang sama jugalah buat pertama kalinya dua pasukan luar bertandang dalam perlawanan akhir Piala FA pada 1997 antara

Selangor

dan Pulau Pinang yang akhirnya menjadi milik Selangor hasil jaringan

Tony

Cottee.

Yang menarik perlawanan akhir Piala FA adalah pertemuan dua pasukan dari

liga yang berbeza. Perlis dari Perdana Satu manakala Negeri Sembilan

dari

Perdana Dua. Begitupun, perlawanan ini dijangka menarik kerana kedua-duanya bermain buat pertama kali di peringkat akhir.

Negeri Sembilan memiliki ramai pemain yang pernah beraksi di perlawanan akhir Piala Malaysia sama ada bersama Selangor atau Perak seperti Azman Adnan, B Rajnikandh, Azrul Amri Borhan dan Azlisham Ibrahim, manakala Perlis pasti tidak mahu melepaskan peluang sulung mereka beraksi di peringkat final sebagai hadiah kepada raja mereka yang juga Yang di-Pertuan Agong. Ketika Perak pertama kali menjadi juara pada tahun 1990, Yang di-Pertuan Agong adalah Sultan Azlan Shah.

Apapun, tahniah juga kepada Perak kerana sudi menjadi tuan rumah kepada kedua-dua pasukan itu, walaupun tewas kepada Negeri Sembilan di separuh akhir di Ipoh.

Tahniah juga kepada kelab penyokong Perak yang dianugerahkan RM50,000 oleh kerajaan negeri. Oleh itu pandai-pandailah pemimpin kelab itu menggunakan peruntukan itu atas sikap murah hati Menteri Besar Perak, Datuk Seri Diraja Mohd Tajol Rosli Tan Sri Ghazali.

Perak bertuah kerana sokongan padu Menteri Besar yang bukan saja ingin melihat pasukan maju, tetapi juga kelab penyokong mereka. Oleh itu diharapkan kelab penyokong Perak tidak akan menghampakan harapan Menteri Besar dan seluruh rakyat negeri.

Sebagai penutup, terima kasih juga kepada Datuk Seri Diraja Mohd Tajol Rosli kerana keprihatinannya untuk menanggung kos peserta taekwon-do, Annuar Alias sebanyak RM5,000 untuk menyertai kejohanan sedunia di Greece bulan depan. Saya difahamkan, Datuk Hishamuddin juga bersetuju berbuat demikian sepertimana kata pegawai khasnya.

Kepada seluruh penyokong Negeri Sembilan dan Perlis, nasihat saya supaya menjaga disiplin. Jika pun pasukan mereka menang jangan terlalu riak jagalah juga perasaan mereka yang kalah. Seperkara lagi jadikan iktibar kejadian kemalangan yang meragut beberapa nyawa ketika perlawanan akhir Piala Malaysia yang membabitkan penyokong Terengganu pada 2001. Datanglah lebih awal dan hindarkan daripada membawa barang-barang yang salah terutama bahan letupan seperti mercun.